

HADILAH



DATA JAGUH

- | | | | |
|-------------------|---|-----------------------|---|
| ● NAMA: | Hadilah Hassan | ● UMUR: | 19 (31 Ogos 1971) |
| ● ASAL: | Johor - alamat- Batu Lima, Batu Berendam, Melaka | ● STATUS: | Belum kahwin |
| ● TINGGI & BERAT: | 148sm; 45kg | ● PEKERJAAN: | Bertugas di sebuah syarikat swasta di Melaka. |
| ● ADIK BERADIK: | Anak kempat daripada sembilan beradik
(4 lelaki dan 5 perempuan) | ● MULA BELAJAR SILAT: | 1986 (Persatuan Silat Kunci Melayu Melaka) |
| ● KELAS: | A (40 hingga 45 kilogram) | ● JURULATIH: | Abang, S.B.Afied Buang |

PENCAPAIAN

- | | |
|---------|---|
| ● 1988: | Pingat emas kejohanan Sukan Malaysia, di Kuala Lumpur. |
| ● 1989: | Pingat emas kejohanan silat Melaka dan perak kejohanan silat kebangsaan di Selangor. |
| 1990: | Pingat emas kejohanan Silat Melaka, pingat perak kejohanan silat seni Melaka,pingat perak kejohanan peringkat kebangsaan di Selangor dan dipilih sebagai pesilat harapan. |

31 MAR 1990

B. Harian (M)



Pernah belasah jantan

31 MAR 1990

B. Harian (M)

DILIHAT pada tubuh badan yang kecil dan sifatnya yang lemah lembut, tentu ramai tidak menyangka bahawa dia adalah 'pendekar' negara.

Hadilah Hassan, 19, sudah banyak membelasah lawan dan kerana keberanian serta kecekapannya mempertahankan diri, dia dianugerahkan sebagai pesilat harapan di Kejohanan Silat Kebangsaan, di Selangor baru-baru ini.

Gadis yang berasal dari Johor dan kini menetap di Melaka itu pada mulanya sekadar untuk mempertahankan diri.

Bagaimanapun, hasil galakan keluarga, dia memberanikan diri untuk menguji keupayaannya di gelanggang.

"Saya tidak menyangka memperolehi pingat emas kelas A dalam penampilan pertama pada kejohanan Sukan Malaysia 1988," katanya.

Selepas itu, minatnya mula memuncak dan dia sentiasa berada di gelanggang dalam setiap kejohanan silat yang diadakan di negara ini.

Katanya, apabila masuk gelanggang perasaan takut hilang serta merta dan sifat belas kasihan tidak wujud lagi. Dia akan membelasah lawan biarpun lawan itu tidak memberi tantangan.

"Pantang undur menjadi pegangan saya," katanya.

Hadilah berkata, bukan saja dalam gelanggang kejohanan silat saja dia membelasah lawan, tetapi diluar juga dia pernah berbuat demikian.

"Saya pernah memukul seorang lelaki yang cuba menganggu saya ketika pulang dari Bandar Melaka.

"Kejadian itu berlaku tahun lalu. Saya menumbuk dia hingga terduduk dan mengenggam bajunya. Saya beri amaran jangan cuba ulangi lagi," katanya.

"Sebenarnya gadis manis ini peramah dan mudah didekati tapi awas..."

Hadilah berhasrat mengikut jejak abangnya, Mohd Abdul Hadi Hassan untuk menjadi pesilat negara.





31 MAR 1990

B. Harijan (M)